

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

YMT 402 - Komunikasi Antarabangsa

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT soalan.

1. Dengan menyediakan contoh-contoh yang jelas, bincangkan sejauh manakah imperialisme masih kukuh dalam konteks media di Malaysia.
(25 markah)
2. Teknologi baru dikatakan perlu untuk pembangunan negara-negara dunia ketiga. Nilai kenyataan ini dengan mengaitkan faktor kapitalisme dan pergantungan.
(25 markah)
3. Kewartawanan pembangunan adalah perlu untuk negara-negara membangun. Bincangkan kenyataan ini dengan menyertakan contoh-contoh yang jelas dan kaitkannya dengan kebebasan pengaliran maklumat dan keupayaan mendapat maklumat.
(25 markah)
4. Bantahan negara Dunia Ketiga terhadap monopoli aliran berita antarabangsa oleh agensi berita gergasi Barat adalah tidak berasas dan tidak disokong oleh bukti-bukti kajian yang saintifik. Bincangkan. Jawapan anda mestilah menyertakan hujah para sarjana secara khusus.
(25 markah)

...2/-

5. Berdasarkan teori tentang struktur dan corak berita antarabangsa, buat rasional pelaporan berita yang tersiar dalam halaman luar negara akhbar Utusan Malaysia di lampiran 1.

Adakah berita yang tidak dapat dijelaskan oleh pertimbangan teori Al Hester atau Galtung dan Ruge? Jika ada, apakah justifikasi yang dapat anda berikan untuk menerangkan pemilihan berita tersebut?

(25 markah)

6. Media massa di semua kawasan dunia, sama ada di negara Barat, Negara Dunia Ketiga atau Negara Sosialis, tertakluk kepada kawalan oleh pemerintah. Dengan perkataan lain tidak ada kebebasan media yang mutlak. Bincangkan kenyataan di atas dengan memberikan contoh-contoh yang khusus.

(25 markah)

-ooo00ooo-

LUAR NEGARA

30 terbunuh dalam pertikaian Nagorno—Karabakh

MOSCOW 2 Feb. — Lebih 30 pemberontak Armenia dan tentera Azerbaijan terbunuh dalam pertempuran sengit semalam untuk menguasai wilayah Nagorno-Karabakh yang dipertikaikan.

Pertempuran sengit itu me-

nandakan peringkat baru dalam sengketa berdarah hampir empat tahun merebutkan wilayah itu yang sebahagian besar penduduknya berbangsa Armenia tetapi diperintah oleh Azerbaijan, mengorbankan beratus orang.

Agensi berita Itar-Tass yang memetik pegawai-pegawai Kementerian Dalam Negeri Armenia sebagai berkata, unit-unit pemberontak Armenia menguasai semula kampung Khramort dan Farrukh yang ditawan oleh Azerbaijan kelmarin.

Bagaimanapun, agensi bebas Interfax berkata, pemberontak Armenia mungkin menghadapi kesukaran berhadapan dengan angkatan tentera Azerbaijan yang mempunyai kelengkapan lebih baik.

Sementara itu laporan dari Baku, Azerbaijan menyebut bahawa berpuluh-puluh orang termasuk kanak-kanak dan wanita terbunuh dalam pertempuran di wilayah berkenaan.

Menurut laporan daripada kedua-dua belah pihak, orang-orang bersenjata automatik daripada puak-puak yang bersengketa bertempur di pergunungan bersalji di wilayah tersebut sejak seminggu lalu.

Roket dan peluru-peluru meriam menghujani kampung-kampung kedua-dua belah pihak, membunuh wanita dan kanak-kanak.

Seorang jurucakap Kementerian Dalam Negeri Azerbaijan berkata, empat orang Azerbaijan dan berpuluh-puluh orang Armenia terbunuh dalam masa beberapa hari lalu.

Tidak pasti

"Mungkin 60 orang, mungkin 70 orang, kami tidak pasti," katanya.

Sebuah agensi berita Azerbaijan menyatakan angka kematian ialah 100 orang.

Bagaimanapun, seorang pemimpin tentera pemberontak Armenia menyatakan kira-kira 30 orang Azerbaijan dan empat orang Armenia terbunuh.

Kolonel Poliss, Armen Isagulov memberitahu demikian dari Stepanakert, ibu kota Nagorno-Karabakh yang diketakannya dihujani oleh 135 peluru berpandu dan bom-petang kelmarin.

Keruntuhan Soviet Union Disember lalu memusnahkan sebarang harapan bahawa askar-askar Moscow yang mengawasi keamanan di wilayah itu selama ini, akan meneruskan tugas mereka. — AP/ Reuter.

Indonesia naikkan kadar lesen TV seratus peratus mulai 1 Februari

JAKARTA 2 Feb. — Kadar bayaran lesen TV di Indonesia naik seratus peratus mulai 1 Februari lalu menjadikan kadarnya jauh lebih mahal dari Malaysia.

Dengan kadar baru itu, lesen TV termurah ialah (bagi TV hitam putih di bawah 16 inci adalah Rp24,000 (sekitar \$32.43) setahun dan lesen paling mahal (untuk TV warna ukuran 19 inci ke atas adalah Rp72,000 (sekitar \$97.30) setahun.

Menurut Ketua Pengarah Radio, TV dan Filem Indonesia, Alex Leo Zulkarnain, kenaikan tersebut adalah yang pertama sejak 11 tahun lalu dan tidak dapat dielakkan memandangkan kos pengendalian TVRI semakin meningkat setiap tahun.

Beliau berkata, kenaikan kadar lesen itu juga dapat memperbaiki mutu siaran dan perkhidmatannya memandangkan stesen TV kerajaan itu tidak membenarkan siaran iklan sejak 11 tahun lalu.

Lesen TV merupakan sumber penghasilan utama TVRI untuk beroperasi sejak siaran iklan diwajibkan pada tahun 1981.

Selain itu, TVRI juga mendapat subsidi dari kerajaan dan memperoleh komisen 20 peratus dari hasil iklan di setiap stesen TV swasta sejak dua tahun lalu.



**FAUZAN
UDA AHMAD**
WAKIL UTUSAN
JAKARTA

Di Indonesia, kadar bayaran lesen TV di bahagi kepada lima kategori iaitu berdasarkan ukuran dan "kemewahannya".

Bagi peti TV hitam putih yang berukuran 16 inci ke bawah, lesennya ialah Rp24,000 (sekitar \$32.43) setahun, TV hitam putih, 16 inci ke atas dikenakan bayaran Rp36,000 (\$48.65 setahun), TV warna 16 inci ke bawah pula Rp48,000 (\$64.87) setahun, TV warna 16-19 inci, Rp60,000 (\$81.08) setahun dan TV warna 19 inci ke atas ialah Rp72,000 (\$97.30) setahun.

Cara bulanan

Encik Alex berkata, bayaran lesen TV tersebut boleh dilakukan secara bulanan.

Bagaimanapun, pemilik TV juga boleh membayar lesen TV sekaligus bagi tempoh setahun dan mereka akan diberi bonus iaitu potongan sebulan bayaran.

Bagi tahun anggaran 1992/93, TVRI dijangka akan membelanjakan sekitar Rp120

bilion (\$162 juta) untuk siaran lesen TV di bahagi kepada lima kategori iaitu berdasarkan ukuran dan "kemewahannya".

Seluruh negara

Dari jumlah itu, Yayasan TVRI menjangka memperoleh pendapatan Rp90 bilion (\$12.1 juta) hasil kutipan lesen TV daripada kira-kira 10 juta peti TV di seluruh negara, Rp90 bilion (\$12.1 juta), Rp5 bilion (\$6.5 juta) dan selebihnya dari hasil komisen iklan empat stesen swasta iaitu sebanyak 20 peratus dari hasil pungutan iklan.

Bagi mempergiatkan kutipan lesen TV, Yayasan TVRI, telah menswastakan pungutan lesen kepada syarikat Mekarama Raya mulai awal tahun lalu.

Encik Alex berkata, sebagai galakan masyarakat membayar lesen TV, pihak swasta yang diberi kuasa memungut lesen itu menawarkan cabutan bertuah bagi setiap tiga bulan bernilai Rp1 bilion (\$1.35 juta) setahun.



CIK HILTONA Selinllari tersenyum riang ketika memenangi pertandingan ratu cantik "Miss Albania" pertandingan pertama seumpamanya dalam sejarah negara itu, di Tirana pada 31 Januari lalu. Lepasannya sekolah tinggi berusia 19 tahun itu ialah salah satu daripada ribuan penganggur di negara termiskin di Eropah. — Gambar Reuter.

Pemercilan Albania tamat

BEGRAD 2 Feb. — Albania memulakan lagi lembaran ke arah penamatkan pemercilannya dengan memilih "Ratu Albania" yang pertama dalam satu pertandingan ratu cantik semalam. Agensi berita rasmi ATA.

Valjona Selinllari, seorang pelajar berusia 18 tahun dari ibu kota Tirana, mengahasi 25 peserta lain dalam pertandingan "Ratu Albania" yang diadakan di Tirana. Dia adalah pemenang pertandingan ini, akan meneruskan tugas mereka. — AP/ Reuter.

Pertandingan ratu cantik diharamkan di bawah rejim peralampau Komunis pimpinan mendiang Enver Hoxha.

ATA berkata, acara tersebut diadakan di dewan persidangan Tirana, ditaja oleh persekutuan belia dan kementerian kebudayaan menandakan pembaharuan dalam masyarakat Albania, yang hanya beberapa tahun lalu merupakan negara yang paling terencil di Eropah. — AFP.

Ratu cantik alami cedera serupai kesan dirogol — Saksi

INDIANAPOLIS 2 Feb. — Seorang doktor yang memeriksa seorang peserta pertandingan ratu cantik memberi keterangan bahawa wanita itu mengalami kecederaan yang menyerupai kesan dirogol tetapi dia takut mengemukakan saman mahkamah terhadap bekas juara tinju heavyweight Mike Tyson.

"Katanya dia takut untuk membuat dakwaan mahkamah," kata Dr. Thomas Richardson kepada panel juri Mahkamah Agung Marion semalam.

Tyson, 25, menghadapi dakwaan merogol dan menahan secara kekerasan dan sekiranya didapati bersalah boleh menghadapi hukuman hingga 63 tahun penjara.

Richardson, doktor yang memeriksa wanita berusia 18 tahun pada hari kejadian rogol itu dikatakan berlaku, berkata beliau mendapati kesan luka pada wanita itu menyerupai kesan perhubungan seks secara paksa. Katanya beliau pernah melihat kecederaan sedemikian sebagai akibat perhubungan seks suka sama suka terjadi hanya dua kali, tetapi ia terjadi pada rata-rata 30 kes rogol.

Lazimnya, dengan perhubungan suka sama suka, kecederaan jarang berlaku kerana ia dilakukan dalam keadaan tenang," katanya.

Doktor tersebut menolak sebagai "karut" satu kajian yang dipetik oleh pihak peguambela yang menunjukkan kononnya kecederaan di kemaluan berlaku pada majoriti wanita yang melakukan hubungan seks secara rela.

Pihak peguambela mendakwa wanita tersebut melakukan hubungan seks secara rela dengan Tyson. Semasa keterangan saksi-saksi wanita itu mendakwa mengalami "rasa sakit yang tidak terkira."

Richardson berkata wanita itu kelihatan tenang tetapi suaranya jelas ketakutan semasa dia menceritakan kepadanya kejadian itu dan rasa ragu-ragunya sama ada akan mendakwa Tyson.

Selbelum itu, hakim Patricia Gifford melarang keterangan saksi mengenai apa yang dikatakan cubaan Tyson cuba menggodanya pemandu Virginia Foster pada hari sebelum kejadian rogol tersebut.

Pendakwa Greg Garrison



MIKE TYSON

menghujah gambaran diberikan oleh Cik Foster mengenai Tyson memegangnya, cuba menciumnya dan mendedahkan kemaluannya kepada wanita itu "membuktikan tingkah lakunya yang keji."

Dalam keterangan saksi-saksi, Cik Foster berkata, wanita (si pendakwa) kelihatan ketakutan sambil berlari keluar dari hotel penginapan Tyson pada awal pagi 19 Julai.

"Dia mungkin sekali dalam keadaan terkejut dan kebingungan," kata Cik Foster.

Tidak pasti

Ketika disoal, menurut Cik Foster dia tidak pasti sama ada wanita itu menangis semasa keluar dari hotel Tyson.

"Dia meluru masuk ke dalam kereta saya sebelum saya sempat memastikannya," katanya.

Foster memberitahu panel juri terdiri dari lapan lelaki dan empat wanita bahawa dia mendengar Tyson berbalut dengan wanita itu di telefon semasa Tyson duduk di dalam kereta Cadillac yang dipandunya di luar hotel tersebut.

Menurut Foster lagi, semasa wanita itu muncul dari hotel tersebut, rambutnya yang pada mulanya kemas berdandan kelihatan "kusut". Katanya wanita itu berkata, "Aku tak percaya lagi padanya! Dia sangka dia siapa? selepas wanita itu menaiki keretanya. — AP